

TERHAD



LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

## SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2018

PERNIAGAAN  
PROJEK  
Kertas 3  
April – Jun 2018

3766/3

- 
1. *Kertas ini mengandungi **satu** tugas.*
  2. *Calon wajib melaksanakan tugas tersebut secara individu.*
  3. *Calon hendaklah menyempurnakan projek ini dengan merujuk kepada elemen, aspek dan kriteria yang telah ditetapkan.*
  4. *Projek ini hendaklah dilaksanakan oleh calon SPM dari bulan **April** hingga bulan **Jun 2018**.*
  5. *Calon dikehendaki mematuhi Jadual Pelaksanaan Tugas Projek yang disediakan untuk memastikan tugas projek dapat disempurnakan dalam tempoh masa yang ditetapkan.*
  6. *Calon dinasihatkan membuat perancangan yang teliti dan melaksanakan tugas dengan menggunakan perbelanjaan yang berpatutan dan munasabah.*

---

Kertas ini mengandungi 3 halaman bercetak.

**TUGASAN PROJEK**

1. Anda merancang untuk menjalankan perniagaan secara perkongsian dengan dua orang rakan. Berikut adalah contoh perniagaan yang boleh anda ceburi:
  - 1.1 Percetakan
  - 1.2 Jahitan pakaian
  - 1.3 Kedai makanan
  - 1.4 Cucian pakaian
  - 1.5 Cucian kereta
  - 1.6 Bengkel membaiki kenderaan

Anda dikehendaki menyediakan satu Rancangan Perniagaan yang lengkap bagi satu jenis perniagaan yang dipilih. Rancangan Perniagaan ini akan dikemukakan kepada mana-mana institusi kewangan atau badan kerajaan untuk mendapatkan pembiayaan.

2. Penubuhan perniagaan perkongsian anda adalah mengikut prosedur pendaftaran dan pelesenan pihak berkuasa berkaitan. Surat ikatan perkongsian perlu disertakan dalam rancangan perniagaan.
3. Modal perniagaan:
  - 3.1 Jumlah modal adalah antara RM50 000 hingga RM250 000.
  - 3.2 Sumber pembiayaan diperoleh daripada:
    - (i) sumbangan rakan kongsi dalam nisbah 4:3:3
    - (ii) pinjaman
  - 3.3 Seorang rakan kongsi telah membawa van yang bernilai RM26 000 kepunyaannya sebagai kenderaan perniagaan.
4. Tenaga pekerja:
  - 4.1 Warganegara Malaysia.
  - 4.2 Belia berumur bawah 40 tahun.
  - 4.3 Bayaran gaji minimum bagi seorang pekerja adalah seperti berikut:

<b>Pekerja</b>	<b>Gaji Minimum (RM)</b>
Pengurusan	1 200
Staf Sokongan / Operasi	1 000

- 4.4 Setiap pekerja adalah tertakluk kepada caruman KWSP dan PERKESO.
5. Utiliti perniagaan:
  - 5.1 Seorang rakan kongsi telah mencadangkan untuk menggunakan sebahagian ruang kedai milik ayahnya sebagai tempat untuk beroperasi. Perbincangan berkaitan sewaan akan diadakan namun sewa minimum adalah sebanyak RM2 500 sebulan.
  - 5.2 Pembelian perabot secara sewa beli untuk tempoh 2 hingga 3 tahun.
  - 5.3 Setiap aset bukan semasa perlu disutnilaikan atas harga kos pada kadar yang bersesuaian.

6. Trend persekitaran semasa dalam perniagaan:
  - 6.1 Kementerian Pembangunan Usahawan dan Asas Tani menggalakkan para belia menceburi bidang keusahawanan.
  - 6.2 Program Pembangunan Usahawan:
    - 6.2.1 Program Usahawan 1 Desa 1 Produk
    - 6.2.2 Pembiayaan Tabung Amanah Ikhtiar
    - 6.2.3 Program Latihan Keusahawanan
    - 6.2.4 Dana Usahawan Muda (Young Entrepreneur Fund)
    - 6.2.5 Program Teraju
7. Rancangan Perniagaan yang dikemukakan hendaklah mempunyai format berikut:
  - 7.1 Pengenalan dan Ringkasan Eksekutif
  - 7.2 Tujuan Rancangan Perniagaan / Kertas Kerja
  - 7.3 Latar Belakang Perniagaan
  - 7.4 Latar Belakang Ahli Kongsi
  - 7.5 Kedudukan Tapak Projek
  - 7.6 Objektif Projek
  - 7.7 Rancangan Pentadbiran
  - 7.8 Rancangan Operasi
  - 7.9 Rancangan Pemasaran
  - 7.10 Rancangan Kewangan
  - 7.11 Penutup
  - 7.12 Lampiran (dokumen sokongan)
8. Anda mesti mengemukakan rancangan perniagaan ini secara individu.
9. Anda mestilah mempersembahkan konsep, kreativiti dan idea produk dalam bentuk pembentangan projek dan interaksi sepanjang pelaksanaan tugas projek.
10. Idea perniagaan yang dipersembahkan mestilah menjurus kepada penjenamaan produk Malaysia. Anda digalakkan untuk mendapatkan maklumat daripada pelbagai sumber.
11. Rancangan Perniagaan ini hendaklah mengandungi unsur berikut:
  - 11.1 Fon: *Arial*
  - 11.2 Saiz fon: 12 *pt.*
  - 11.3 Saiz fon bagi tajuk besar atau kecil bergantung kepada kesesuaian.
  - 11.4 Saiz kertas: A4
12. Semua bentuk lakaran, lukisan, gambar rajah atau tulisan mestilah jelas.
13. Penggunaan kertas warna dibenarkan.
14. Gambar atau ilustrasi tambahan hendaklah dilekatkan dengan kemas supaya tidak tercicir.

### TUGASAN TAMAT